

## PENGETAHUAN UMUM

### UNIVERSITI ISLAM INDONESIA

Oleh banyak sangat permintaan bertalu-talu datang kepada kita tentang Universiti Islam di Indonesia yang sebelum perang dahulu telah pun dimulakan dengan ada juga sebahagian daripada murid-murid yang datang dari Malaya ini menjadi penuntut-penuntutnya di sana. Di dalam pertanyaan-pertanyaan yang didatangkan kepada kita ada juga datangnya daripada orang-orang yang terkemuka yang telah mengetahui bahawa kita telah ada berhubung dengan Universiti Islam itu – oleh itu di bawah ini kita siarkan maklumat-maklumat yang kita dapati daripada Tuan Abdul Kahar Mazkar Mahaguru dan pengurus dalam Jabatan Setiausaha bagi Universiti Islam yang berpejabat di Jalan Abian nombor 15 Jogjakarta.

Tuan Abdul Kahar Mazkar di dalam keterangannya kepada wakil kita tatkala melawat ke Jogja pada bulan Febuari yang lalu menerangkan bahawa dalam masa pendudukan Jepun perjalanan Universiti Islam Indonesia itu tak dapat diteruskan tetapi kemudian oleh memandang hati orang Islam Indonesia patut diambil maka dengannya perdirian Universiti Islam itu pun dimulakan dengan cara yang kecil pada 8 Julai 1945 bersamaan dengan 27 Rejab 1366H. Di Jogja di bangunan Universiti yang ada di situ pada masa yang lalu. Pelajaran yang diberi di dalamnya ialah agama dan masyarakat murid yang pertama diterima ialah 680 orang yang terdiri daripada murid-murid sekolah pertengahan (daripada kolej-kolej) seperti MAS dan HBS dan juga daripada murid-murid dari sekolah dari sekolah pertengahan agama yang diajarkan kepada mereka itu pengetahuan umum yang lebih kurang setahun lamanya.

Guru-guru yang mengajar pada masa itu ialah Tuan Haji Agus Salim mengajar bahasa Indonesia, Haji Rashidi (Sekarang menjadi utusan Indonesia di Mesir) dalam bahasa Perancis, Dr. Ramli dalam Ilmu al-Hayat, Dr. Adam Bakhtiar dalam Ilmu Sosial, Farab Curutu dalam bahasa Sanskrit, Kiai Haji Mansur mengajar Tafsir, Tuan Abdul Karim dalam Ilmu Sosiologi, Tuan Ali Budiarto – Ilmu al-Nafs dan Tuan Abdul Kahar Mazkar dalam bahasa Arab. Daripada semua pelajaran itu pelajaran agama diajarkan hanya 60 peratus sahaja.

Sebelum masa kemerdekaan itu perjalanan universiti ini menjalankan segala gerakan adalah cukup merdeka dan berjalanlah universiti sehingga bulan September 1945 dan oleh keadaan-keadaan yang berat di Indonesia pada masa itu maka perjalanan universiti itu lemah terutamanya bulan April 1946 membawa kepada tahun 1947 keadaannya tidak berapa maju lagi disebabkan oleh belia-belia yang menjadi penuntut kepada universiti itu telah memasuki medan-medan perjuangan bersama-sama berkorban untuk mencapai kemerdekaan Indonesia yang telah didapati oleh mereka sekarang oleh keadaan ini maka langkahannya itu pun terbantut.

Tetapi pada bulan November 1947 telah ditubuhkan suatu jawatankuasa baharu untuk mengurus universiti ini diketuai oleh Tuan Abdul Rahman Kaprawi. Pelajaran-pelajaran di dalamnya telah ditambah oleh jawatankuasa ini iaitu di dalam pelajaran-pelajaran agama, undang-undang, iktisad dan pendidikan. Ilmu undang-undang telah diajarkan oleh mahaguru-mahaguru Master Doktor Kemuma Atmaja, Iktisad oleh Dr. Abu Zari, pendidikan oleh Tuan Abdullah Sagah dan agama oleh Tuan Abdul Kahar Mazkar tuan yang akhir ini adalah memegang juga jawatan sebagai ketua universiti ini (rektor) setelah dibuka semenjak itu hingga bulan September 1948 maka universiti ini telah menyiapkan peperiksaan-peperiksaannya tetapi

telah terbantut oleh keadaan-keadaan darurat.

Murid-muridnya pada masa itu adalah sebanyak 350 orang. Gurunya masa itu 25 orang di antaranya seorang perempuan Belanda yang mengajar Ilmu Geografi. Malangnya oleh keadaan-keadaan langkahan tentera Belanda yang kedua sekali lagi universiti itu tergalang sehingga pada bulan November 1949 universiti itu dimulai dibuka semula tetapi tidak dapat dijalankan sebagaimana permulaan dahulu dan oleh yang demikian itulah maka pengajaran-pengajaran yang dapat dijalankan masa itu hanya dalam bahagian yang pertama agama dan pendidikan dan bahagian yang keduanya dijalankan pada bulan Mac dan April yang lalu itu pun beransur-ansur mengikut kepada keadaan dan kedudukan universiti itu muridnya pada pembukaan yang akhir ini adalah sebanyak 250 orang. Banyak murid-murid dari luar terutamanya dari sebelah Aceh telah datang ke sana untuk meneruskan pelajarannya di dalam Universiti Islam ini. Bayaran bagi murid-murid setahun lebih kurang dalam 200 Rupiah. Buah daripada usaha universiti ini adalah memuaskan dan universiti ini ada mendapat bantuan juga daripada kerajaan.

Tatkala ditanya adakah persediaan bagi tempat murid-murid yang dari luar negeri di dalam universiti itu? Tuan Abdul Kahar Mazkar telah menjawab bahawa tempat tumpuan murid-murid itu belum lagi diadakan dan dalam masa sebelum perang dahulu daripada Semenanjung Tanah Melayu itupun ada juga murid-murid yang datang belajar ke sana. Sungguhpun kerajaan ada memberi bantuan kepada universiti ini tetapi yang demikian belum lagi memadai dan oleh itu universiti ini adalah sangat berhajat kepada bantuan terutama daripada kaum Muslimin sendiri.

“Saya pada masa ini adalah memandang bahawa memberi pelajaran-pelajaran Islam dan menumpukan perhatian saya di dalam perkara ini adalah lebih aula daripada saya pergi menumpukan

perhatian saya kepada lain-lain bahagian kerana daripada usaha saya ini saya akan dapat membantu pemuda-pemudanya kita berjiwa dengan jiwa Islam yang dengannya boleh diharap kelak akan memandu Indonesia kepada jalan Islam. Sekiranya tidak ada ditumpukan perhatian dalam perkara ini maka bermaknalah cerdik pandai orang-orang Islam akan berkurangan yang dengannya maka peluang-peluang yang terbuka kepada orang-orang Islam itu sudah tentu tercapai oleh golongan-golongan lain - oleh itulah saya mesti menumpukan perhatian saya dalam perkara ini dan ini lebih utama kepada umat Islam daripada saya memegang jawatan-jawatan kerajaan dengan meninggalkan perkara yang mustahak ini” - kata Tuan Abdul al-Kahar Mazkar tatkala ditanya mengapa ia tidak memegang jawatan-jawatan kerajaan.

Patut disebut di sini bahawa perdirian universiti Islam Indonesia ini adalah berdiri sendiri sebagaimana juga keadaan sekolah-sekolah agama yang dijalankan oleh Muhammadiyah yang mempunyai banyak sekolah-sekolah di seluruh Indonesia yang boleh dikatakan “Berjasa telah mengislamkan semula orang-orang di Indonesia” – sebagaimana yang disebut oleh Mahaguru tuan Muhammad Tuan Muhammad Zain yang telah tiba di Singapura ini. Kepayahan-kepayahan yang dijalankan oleh mereka menjalankan sekolah-sekolah agama dan juga universiti itu adalah sangat-sangat dirasa kepayahan oleh pembangun-pembangun sekoah-sekolah itu oleh kerana pendirian mereka bergantung kepada semata-mata kepada khairat ahli-ahli mereka yang mendapati bahawa mereka itu bertanggungjawab kepada pelajaran-pelajaran mereka pada masa yang akan datang. Oleh sebab itulah di dalam masa kepayahan itu guru-gurunya adalah bergaji terlampau sangat kecil yang menjadikan mereka mengajar itu semata-mata mengorbankan tenaga dan usaha mereka berjihad kepada jalan Allah menunaikan kewajibannya mendidik umat Islam Indonesia sebagai suatu umat yang sebenar-benarnya berpegang dan percaya kepada agama Islam.

(sambungan pada muka 14)

# ((KASIH))

-----\*-----\*

(Oleh: Siti Rafiah Hamdi)

“Kata olehmu Ya Muhammad sekiranya kamu kasihkan Allah maka ikutlah pimpinanku, nescaya Tuhan akan mengasihi kamu dan mengampuni segala dosa kamu:– demikianlah maksud setengah daripada ajaran kitab suci al-Quran.

Kitab kasih akan Allah kerana Tuhan itulah yang telah menjadikan kita di dalam perut ibu kita dan dipeliharanya sehingga kita zahir ke dunia dengan selamatnya. Tuhanlah juga yang telah menjadikan ibu kita berpenat lelah dengan menyengking mata siang dan malam kerana kasihnya kepada kita. Tuhan juga yang telah menjadikan bapa kita bertungkus-lumus mencari makan minum kita sehingga kita besar panjang kelak


Tuhan jua yang menjadikan guru-guru kita mengajar kita membaca dan menulis, dan mengajar kita perangai yang baik.

---

“Setelah menyedari kepada kepayahan-kepayahan yang kita tanggung selama ini maka kita sekarang akan membuka suatu langkah yang baharu yang kita tiru daripada perjalanan di Semenanjung Tanah Melayu ini iaitu mengadakan Idarat al-Auqaf supaya dengannya dapat kita menyusun perjalanannya yang tetap untuk keselamatan peralajaran-pelajaran Islam Indonesia” kata Tuan Yunus Anis Setiausaha Agung pertubuhan Muhammadiyah tatkala menyatakan kepayahan-kepayahan yang terjadi atas perjalanan usaha-usaha mengadakan pelajaran agama di seluruh Indonesia itu.

Demikianlah ringkasan perjumpaan kita kepada pengurus-pengurus perkara agama di Jogjakarta dan daripada perjumpaan itu fahamlah kita bahawa merea itu berhajat sangat kepada bantuan-bantuan dari dalam ataupun dari luar Indonesia untuk menegakkan syiar Islam adanya.

Dan lain-lain ilmu hingga



beroleh kita beberapa kepandaian yang membawa kita dikasihi dan dihormati orang.

Allah Subhanahu wa Taala

bentuk rupa kita dengan itulah yang menjadikan bersangat elok, hebat dan tampan dipandang mata.

Menungkanlah saudara

-saudari Tuhan telah menjadikan bagi kita lidah supaya berkata-kata dengan perkataan yang baik, dan dijadikan-Nya bagi kita dua tangan dan dua kaki supaya digunakan dia kepada segala kebajikan dan mencari rezeki yang halal. Dijadikan-Nya bagi dua mata supaya memandangi apa yang telah dibenarkan-Nya, kita memandangnya, dan dua telinga supaya kita mendengar apa yang telah diizinkan kita mendengarnya. Dijadikannya bagi kita akal supaya dapat membezakan di antara baik dan jahat.

Tuhanlah yang telah menjadikan bumi ini bagi kita dengan segala laut dan sungainya serta segala khazanah dan isinya. Tetapi sudahkah kita berasa syukur?

Kita telah disuruh menurut pimpinan Rasul-Nya –kerana walau bagaimanapun bijak pandainya manusia tidak akan dapat mencapai bahagia dan sejahtera jika tidak dengan pimpinan Ilahi melalui pesuruh-pesuruhNya yang pilihan, dan supaya tidaklah manusia akan berdalih kemusian daripada rasul-rasul itu menyampaikan ajaran Allah, itulah sebabnya Tuhan telah menerangkan “Barangsiapa yang taatkan Rasul maka sesungguhnya dia telah taatkan Allah.”

Inilah rahsianya maka Tuhan telah menghantarkan rasul-rasul-Nya supaya memperkenalkan kebesaran Allah pencipta seluruh alam dan memimpin manusia kepada masyarakat yang teratur dan aman damai di dunia, serta kebahagiaan yang sejati di akhirat kelak.